



## MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

# KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera oleh Bahagian Pembangunan Kontraktor Dan Usahawan (BPKU) dan masih sah serta dibenarkan membuat tawaran dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan bagi kerja berikut :

BIL	BUTIR-BUTIR TAWARAN	GREd, KATEGORI & PENGKUSUSAN	TARIKH, MASA TAKLIMAT & TEMPAT LAWATAN TAPAK	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP TAWARAN
1.	(MBKT T1/2022) CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN PUSAT PENGURUSAN SISA PEPEJAL BERSEPADU SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DI PULAU REDANG, KUALA TERENGGANU.	Gred G4 Kategori B dan CE Pengkhususan  B04 dan CE08, CE21	4/08/2022 (Khamis) 10.00 pagi  Dewan Sivik, Jalan Pasir Panjang, Bukit Besar, Kuala Terengganu  (WAJIB)	RM200.00	1 September 2022 (Khamis)

2. Naskhah Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu, pada waktu pejabat bermula 10 Ogos 2022 (Rabu).

3. Dokumen Tawaran boleh dibeli dan maklumat lanjut boleh didapati semasa waktu pejabat di Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.

4. Lawatan Tapak adalah diwajibkan dan hanya kontraktor ataupun penama-penama yang tercatat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan sahaja dibenarkan untuk berdaftar semasa sesi lawatan/taklimat tapak dan dibenarkan membeli Dokumen Tawaran.

5. Naskhah Dokumen Tawaran hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor dengan membawa Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan Bahagian Pembangunan kontraktor dan Usahawan (BPKU) beserta satu salinan fotostat bagi setiap salinan sewaktu membeli Dokumen Tawaran. Hanya Kontraktor atau Penama-penama seperti dalam Sijil Pusat Khidmat Kontraktor sahaja dibenarkan untuk membeli dokumen tawaran.

6. Dokumen Tawaran akan dijual mulai pada hari Rabu, 10 Ogos 2022 hingga Rabu, 24 Ogos 2022 yang boleh dibuat secara Deraf Bank/Wang Pos/Kiriman Wang Pos yang dibuat atas nama :

**“ Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu ”**

7. Tawaran ini akan ditutup pada hari Khamis, 1 September 2022 dan Dokumen Tawaran yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlabel dan ditulis dengan tajuk dan no. Tender berkenaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender di Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tawaran.

8. Pihak Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran terendah ataupun sebarang tawaran. Pihak Majlis juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen tender yang tidak terdapat di dalam Peti Tender setelah Peti Tender dibuka.

9. Bukti penghantaran bukan bukti penerimaan dan keputusan Majlis adalah muktamad. Sebarang rayuan atau surat menyurat adalah tidak dilayan.

10. Kontraktor yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas tawaran dibuat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sahlaku tawaran tamat akan diambil tindakan ke atas pendaftarannya dan juga akan menanggung segala kos perbezaan.

t.t

.....  
(ROSLI BIN LATIF)  
Datuk Bandar  
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu